

DATE: 2/7/2008

Wan Azizah ucap terima kasih pada Perdana Menteri

Oleh HERMAN HAMID

KUALA LUMPUR 1 Julai - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail menyatakan rasa syukur apabila hasratnya untuk bertemu Perdana Menteri bagi menyuarakan kebimbangan berhubung keselamatan suaminya dalam berhadapan siasatan kes liwat, tercapai.

Menurut Wan Azizah, dalam pertemuan yang berlangsung kira-kira 20 minit itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan sahaja telah mendengar tetapi juga menyatakan simpati dan memahami perasaan beliau sekeluarga.

Katanya, pertemuan yang turut dihadiri Nurul Izzah itu digunakannya bagi memo-

hon kepada Perdana Menteri agar siasatan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dilakukan secara profesional termasuk memastikan kejadian suaminya dilebarkan mata ketika siasatan pada tahun 1998 tidak berulang kali ini.

"Justeru, beliau (Abdullah) memberi jaminan episod tersebut tidak akan berulang dalam pemerintahan beliau," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Abdullah di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Pertemuan tersebut berlangsung pada pukul 5 petang ini setelah Wan Azizah mengutus surat memohon untuk bertemu dengan Abdullah.

Dalam pada itu, Wan Azizah menjelaskan, beliau menyambut baik apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu.

Um - 2/7/2008
Saya berpegang pada jaminan Perdana Menteri. Alhamdulillah Perdana Menteri dah terlibat. Namun dahulu pun ada diberi jaminan, saya ada pengalaman

Katanya, beliau turut mengingatkan Perdana Menteri bahawa penjawat jawatan tertinggi dalam pasukan polis dan pendakwaan kini adalah individu yang sama sewaktu kes tahun 1998.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan jaminan Abdullah, Wan Azizah berkata, itu adalah jaminan daripada Perdana Menteri dan pihaknya menyambut baik.

"Saya berpegang pada jaminan Perdana

Menteri. Alhamdulillah Perdana Menteri dah terlibat. Namun dahulu pun ada diberi jaminan, saya ada pengalaman.

"Tapi saya tetap bersyukur dan berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana mahu berjumpa saya. Saya ucapkannya kepada beliau dan beritahu yang saya juga membawa salam Anwar.

"Memang saya ada pertalian di masa muda sewaktu beliau bekerja di Kementerian Belia," ujarnya.

WAN AZIZAH
WAN ISMAIL
Presiden PKR